

19 JULAI 2018

17 ditahan disyaki bunuh rakan



17 ditahan disyaki bunuh rakan

JOHOR BAHRU 18 Julai – Polis negeri ini menahan 17 individu berusia antara 15 hingga 40 tahun yang disyaki ada kaitan dengan penemuan mayat seorang remaja lelaki yang ditanam separuh badan dalam kebun durian di Bandar Baru Kangkar Pulai pada 5 Julai lalu.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner Noor Hashim Mohamad berkata, kesemuanya suspek termasuk enam wanita itu ditahan dalam beberapa siri operasi antara 7 hingga 16 Julai lalu.

Menurutnya, kesemuanya suspek termasuk mangsa dipercayai menganggotai sindiket penjualan dadah yang sama dan telah ber-

giat aktif di sekitar bandar raya ini sejak sebuah lalu.

"Siasatan awal kejadian ini dipercayai berpunca ekoran rasa tidak puas hati antara mangsa dan suspek berkaitan penjualan dadah."

"Mangsa yang berusia 17 tahun dipercayai mati dibunuh kerana terdapat kesan lebam pada badan dan kesan jerut di leher," katanya dalam sidang akhbar di ibu pejabat Polis Daerah Iskandar Puteri, di sini hari ini.

Pada 5 Julai lalu, polis menerima panggilan berkaitan penemuan mayat seorang remaja lelaki yang ditanam sebahagian tubuhnya di sebuah kebun durian

dan sudah mula mereput.

Noor Hashim memberitahu, mangsa dipercayai dibunuh di kediaman yang disewa kumpulan itu di sebuah apartmen di Bukit Indah, di sini sebelum dibawa menggunakan dua buah kendaraan untuk ditanam di Bandar Baru Kangkar Pulai.

"Ujian air kencing yang dijalankan ke atas semua suspek mendapati mereka positif dadah selain 12 daripada mereka turut mempunyai rekod jenayah lampau.

"Kesemua suspek kini ditahan reman selama seminggu bermula semalam," katanya sambil memberitahu kes itu disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Kesejahteraan.